

NORHAYATI ALLI FOTO: KOLEKSI SARAH DIYANA

## SARAH DIYANA

Bina jati diri melalui aktiviti lasak

**M**elihat kepada personalitinya, mungkin ramai tidak menyangka Sarah Diyana Noor Azami, 25, seorang yang aktif dalam pelbagai jenis sukan terutama futsal yang mana dia merupakan salah seorang pemain utama pasukan futsal Universiti Putra Malaysia (UPM).

Bukan setakat futsal, anak ketiga daripada empat beradik berasal dari Kamunting, Perak ini turut mempunyai pasukan di luar UPM dalam sukan touch rugby dan bola keranjang di samping menganggotai Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) Laut UPM.

"Mewakili Palapes UPM (Laut), selain futsal, saya juga mengambil bahagian dalam sukan bola jaring, hockey deck, bola tampar dan renang serta pernah menjadi johan dalam Karnival Sukan Palapes Laut pada 2015," katanya mengimbas penglibatan dalam aktiviti ini.

Tambahnya, selain minat, aktiviti seperti ini sangat membantu dalam membina jati diri dan kemahiran insaniah.

"Pada mulanya, penglibatan dalam sukan ini hanya ingin mengisi masa lapang. Walaupun aktiviti agak padat, tapi ia mengajar saya untuk lebih menghargai masa dan sentiasa menuju ke hadapan. Pengalaman sebegini susah untuk kita dapat di tempat lain. Tambahan pula, saya dapat mengenali ramai kawan baharu yang banyak mengajar erti kehidupan," katanya yang turut mendapat dorongan daripada keluarga terutama ibu bapa.

### AKTIVITI KESUKARELAWANAN

Memilih bidang fizik dan kini sedang mengikuti pengajian peringkat Sarjana (Master) Sains Fizik dan Kejuruteraan Bermatematik di UPM, menurut Sarah Diyana pada mulanya dia ingin mengambil jurusan matematik.

"Tetapi atas nasihat keluarga dan kawan-kawan, saya mengambil keputusan mengambil jurusan major fizik kerana subjek ini bukan sekadar bahan ilmu pengetahuan, sebaliknya juga boleh digunakan dalam kehidupan manusia. Alhamdulillah, saya berjaya menghabiskan pengajian dan atas dorongan kuat keluarga dan sahabat juga saya dapat menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi dalam bidang pengajian Fizik dan Kejuruteraan Matematik," katanya.

Sebagai anggota Palapes Laut UPM pula, ia banyak mendedahkan dirinya dalam aktiviti kesukarelawan.

"Hampir setiap tahun aktiviti ini menjadi kewajipan kami untuk melakukannya. Contohnya, pada tahun pertama saya memasukinya, Palapes UPM (Laut) telah mengadakan majlis bersama anak-anak



Bersama ibu bapa dan kakak semasa konvokesyen peringkat Ijazah Sarjana Muda Sains Fizik.

yatim. Selain itu, kami pernah juga membuat khidmat masyarakat semasa banjir besar di Pahang, membantu membersihkan kawasan dan mengecat rumah-rumah serta memberi seberapa banyak sumbangan kepada pihak terlibat.

"Tambah lagi, saya merupakan ahli Kelab Albiruni di fakulti saya. Kelab ini merupakan kelab siswa Melayu cemerlang. Antara program yang saya sertai ialah Program Jalinan Kasih iaitu program merapatkan lagi kasih antara ahli-ahli kelab. Semasa menjadi Timbalan Pengarah untuk Program Perkongsian Teknik Belajar pula, terdapat input-input menarik dan berkesan yang semestinya dapat dikongsi bagi membantu kecemerlangan akademik dan sahsiah pelajar di samping memastikan kebolehpasaran pelajar selepas graduan," jelasnya yang juga merupakan Majlis

Sarah turut menggemari aktiviti mendaki gunung.

Tertinggi Mahasiswa (MTM) Kolej dalam Sekretariat Sukan dan Rekreasi.

### BIJAK BUAT PILIHAN

Sebagai seorang yang aktif menyertai pelbagai aktiviti, Sarah Diyana menitipkan pesanan; bijak buat pilihan.

"Saya selalu ingat pesan mama saya, katanya; adakala kita banyak sangat kerja sampai tak menang tangan, tapi bersabar dan hadapinya. Tiba masa, semua kerja itu pasti akan siap juga. Kuncinya; semangat, sabar, sentiasa berfikir positif dalam setiap perkara, dan paling penting, ikhlas dalam melakukan setiap tugas.

"Tak kisahlah berapa banyak kerja yang kita kena buat, pilihlah yang mana terlebih dahulu perlu disiapkan, dan paling penting sebenarnya ialah jangan malas. Ambillah seberapa banyak pengalaman semasa kita belajar kerana pengalaman semasa belajar inilah yang akan mengajar dan membentuk kita untuk jadi diri kita yang sebenar. Dan pengalaman inilah yang akan jadi satu kenangan terindah, malah mengajar kita erti kehidupan sebenar," kongsiannya.



Johan dalam satu kejohanan futsal.



Bersama pasukan futsal wanita UPM.

PROFIL

**Nama penuh:** Sarah Diyana Noor Azami

**Pendidikan:**

- Sekolah Kebangsaan Kamunting
- Sekolah Menengah Kamunting
- Sekolah Menengah Teknik Sepang
- Bachelar Sains Major Fizik (Ijazah Sarjana Muda) UPM

**Pencapaian:**

- Mewakili daerah dan negeri bagi sukan softball semasa di sekolah
- Menyertai Kejohanan Masum dan Liga IPT dalam acara futsal (UPM)
- Menyertai kejohanan terbuka bola baling UPM
- Menyertai mobiliti ke Thailand
- Fasilitator UniPutra 2014
- Menyertai Kem Bina Negara, Johor 2014
- Kelab Albiruni Fakulti Sains (Exco Aktiviti)
- Mendapat Anugerah Atlet Terbaik semasa Karnival Sukan Kosass
- Mendapat Anugerah Akademik Terbaik dalam Majlis Sejambak Budi anjuran Kolej
- Merupakan Kadet Wanita Terbaik dalam Palapes (Laut) UPM
- Pernah berlayar selama 10 hari menaiki Kapal Layar Samudera dari base Lumut ke Langkawi

noke